

Sokongan kerajaan kepada LHDN tarik tokoh korporat bayar cukai

PM dedah tiada golongan maha kaya merayu dilepaskan daripada tanggungjawab

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Cyberjaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan, hasil sokongan diberikan kepimpinan kerajaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menyebabkan golongan maha kaya, termasuk tokoh korporat terkemuka telah menjalankan tanggungjawab membayar cukai.

Malah, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, tidak ada golongan terbabit dan mereka yang berpangkat merayu secara peribadi kepadanya agar dilepaskan daripada cukai.

"Saya dan menteri-menteri memberikan sokongan kuat (kepada LHDN) sehingga tidak ada yang berani merayu (pengecualian cukai) kepada saya. Jadi, ini menunjukkan integriti yang ada pada LHDN.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

LHDN kerana inilah mungkin julung kalinya tokoh korporat, tanpa kecuali, semuanya memenuhi tanggungjawab mereka membayar hasil.

"Apa makna ini semua? Kita tidak beri ruang kepada mana-mana pihak, terutama peringkat atasan, golongan maha kaya terlepas daripada tanggungjawab mereka sebagai rakyat dan warganegara," katanya pada Majlis Sambutan Hari Hasil Ke-29 di Menara Hasil, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Abu Tariq Jamaluddin.

Perdana Menteri menegaskan, beliau juga tidak pernah menggunakan kuasanya untuk menggarahkan LHDN 'memilih bulu' kepada mana-mana pihak dalam hal pembayaran cukai.

"Saya tidak pernah menyatakan kepada Datuk Tariq untuk kurang memberi tekanan dalam melaksanakan tugas. Umpamanya, jika pergi kepada Tun dan Tan Sri atau maha kaya, mereka akan terus menghubungi golongan atasan dan orang yang menunaikan tanggungjawab (mengutip cukai) itu mendapat tekanan.



Anwar merasmikan Majlis Sambutan Hari Hasil Ke-29 di Cyberjaya, semalam sambil diperhati Amir Hamzah (dua dari kiri) dan Hui Ying (kiri).
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

"Jangan diremehkan kerana selalunya, penguat kuasa, termasuk pengurusan tentu tidak akan ada keberanian jika mereka tahu, tanggungjawab disempurnakan itu tidak mendapat dukungan oleh pimpinan," katanya.

Kutip RM184.8b tahun lalu

Anwar berkata, kejayaan LHDN memperoleh kutipan membebankan berjumlah RM184.8 bilion tahun lalu, peningkatan RM1.46 bilion berbanding tahun sebelumnya, sekali gus membuktikan hasil negara melonjak jika

tata kelola serta ruang yang boleh menyumbang kepada kebororan hasil sentiasa diperbaiki.

Anwar juga percaya LHDN mampu memperoleh kutipan hasil cukai yang lebih baik jika mengekalkan semua standard dan disiplin yang dilaksanakan ketika ini.

Terdahulu, Abu Tariq dalam ucapannya berkata, LHDN berjaya mengaudit dan menyiasat 70,702 kes membabitkan pelbagai industri, membabitkan keseluruhan taksiran cukai tambahan berjumlah hampir RM5.5 bilion.

Katanya, ia hasil aktiviti pematuhan dan penguatkuasaan oleh agensi itu, yang dijalankan secara terancang dengan memberi tumpuan kepada industri tertentu.

Pada masa sama katanya, pembangunan sistem e-Invois di Malaysia, yang dilancarkan pada tahun lalu dan ketersediaan pembayar cukai fasa pertama untuk mengguna pakai sistem baharu itu dalam tempoh kurang dari satu tahun juga, kini menjadi kayu pengukur dan rujukan negara di seluruh dunia.